

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan pekerja asing yang teruk terutamanya dalam sektor pertanian dan perladangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga **30 Jun 2021**, jumlah pekerja asing yang berdaftar dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) adalah **1,113,584** orang. Perincian mengikut sektor adalah seperti berikut (Jadual 1):

Jadual 1: Jumlah pekerja asing mengikut sektor sehingga 30 Jun 2021

<b>Sektor</b>	<b>Jumlah</b>
Perkilangan	405,591
Pembinaan	222,556
Perladangan	145,541
Perkhidmatan	163,299
Pertanian	87,576
Pembantu Rumah Asing	88,944
Perlombongan & Pengkurian	77
<b>JUMLAH</b>	<b>1,113,584</b>

Sumber: MyIMMs, Jabatan Imigresen Malaysia, 2021

Berdasarkan Jadual 1, seramai **145,541** pekerja asing bekerja dalam **sektor perladangan** dan **87,576** pekerja asing yang bekerja dalam **sektor pertanian**. Sektor perladangan dan sektor pertanian adalah dua sektor yang mempunyai kadar kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing dan amat terjejas dengan pelaksanaan moratorium terhadap pengambilan pekerja asing baharu yang berkuatkuasa sejak Mac 2020.

Untuk mengatasi kekurangan pekerja asing terutamanya dalam sektor-sektor ekonomi negara termasuk dalam sektor pertanian dan perladangan, Kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

- i. Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) pada 16 November 2020 dan dilaksanakan sehingga 31 Disember 2021. Program RTK adalah inisiatif

jangka pendek bagi meregularisasikan Pendatang Tanpa Izin (PATI) dalam negara menjadi pekerja asing yang sah bagi membantu industri mendapatkan tenaga kerja bagi sektor - sektor yang kurang diminati rakyat tempatan.

Lima (5) sektor yang dibenarkan menyertai Program RTK adalah perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan (sub sektor restoran, kargo, pembersihan dan pencucian serta borong dan runcit). Dari 16 November sehingga 05 Julai 2021, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah menerima sebanyak 6,230 permohonan Perakuan Rekalibrasi yang melibatkan permohonan seramai 232,390 orang pekerja asing dan 1,412 permohonan telah diluluskan melibatkan seramai 47,387 orang.

- ii. Mengalakkan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada automasi dan mekanisasi dengan mengambil sejajar dengan peralihan ke era IR 4.0. Peralihan kepada automasi dan mekanisasi dengan penggunaan teknologi terkini yang '*complement*' (*skill-complementary technologies*) tenaga kerja akan membolehkan pewujudan pekerjaan yang memerlukan kemahiran dan sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Disamping itu, penggunaan teknologi dan inovasi dalam pengeluaran akan membolehkan industri-industri berintensif buruh '*move up the value chain.*'
- iii. Meningkatkan penyertaan Orang Kurang Upaya (OKU), pesara, bekas banduan, bekas penagih dadah dan gelandangan ke pasaran buruh.
- iv. Menetapkan kadar gaji minimum bagi menarik minat lebih ramai pencari kerja tempatan. Pada masa ini, Kerajaan telah melaksanakan kadar gaji minimum RM1,200 sebulan bagi pekerja-pekerja di wilayah bandar-bandar utama dan RM1,100 sebulan bagi pekerja-pekerja di luar wilayah bandar-bandar utama.

## SOALAN NO : 32

- v. Memperkenalkan peraturan-peraturan kerja separa masa bagi menggalak dan mempertingkat penyertaan tenaga kerja tempatan khususnya suri rumah dan golongan **NEETs** (*Not in Employment, Education or Training*).
- vi. Penyediaan kemudahan penginapan dan rumah ladang kepada bukan hanya kepada pekerja asing tetapi juga kepada pekerja tempatan dengan menguatkuasakan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]. Faktor penyediaan penginapan yang kondusif, sesuai dan selamat ini juga dapat menjadi faktor penarik kepada rakyat tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan dan menggantikan (*substituted*) pekerja asing dalam sektor-sektor yang kekurangan pekerja.
- vii. Dalam tempoh pembekuan pengambilan pekerja asing yang baharu, Kerajaan juga telah memanfaatkan pekerja asing sedia ada dalam negara dengan memperkenalkan inisiatif pertukaran majikan dengan:
  - (a) majikan yang menggajikan pekerja asing sedia ada boleh menyerahkan kesemua atau sebahagian pekerja asingnya jika tidak mampu meneruskan penggajian mereka;
  - (b) pertukaran majikan boleh merentasi sektor (*cross-sector*); dan
  - (c) majikan yang menyerahkan pekerja asing kepada majikan lain tidak akan disenaraihitamkan dan mereka akan dibenarkan memohon pekerja asing semula apabila ekonomi kembali pulih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 7.10.2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah projek pembangunan Kementerian yang telah dilaksanakan di Parlimen Pasir Mas semenjak penubuhan Kerajaan Perikatan Nasional dan berapa jumlah kos yang terlibat

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Mas, semenjak penubuhan Kerajaan Perikatan Nasional, sejumlah RM5.68 juta telah disalurkan di bawah Kementerian ini melibatkan 74 program/projek di kawasan Parlimen Pasir Mas.

Peruntukan yang disalurkan ini melibatkan pelaksanaan 54 projek Jalan Perhubungan Desa (JPD), 16 projek Program Ameniti Sosial (PAMS), satu (1) projek Infrastruktur Komersial (MARA) dan tiga (3) projek Pembangunan Kawasan Tanam Semula Getah (RISDA) bagi membantu pelbagai peringkat masyarakat di kawasan parlimen Yang Berhormat.